

Garis Panduan Tindakan Rakan Niaga SEVEN & i Group

I. Pengenalan

- **SEVEN & i Group berusaha untuk berkekalkan dengan ikhlas berdasarkan kepada keyakinan korporat dan menyumbang kepada merealisasikan masyarakat yang lestari.**

Pegangan Korporat

Kami berhasrat untuk menjadi sebuah syarikat yang ikhlas yang dipercayai pelanggan kami.

Kami berhasrat untuk menjadi sebuah syarikat yang ikhlas yang dipercayai rakan niaga, pemegang kepentingan dan komuniti tempatan kami.

Kami berhasrat untuk menjadi sebuah syarikat yang ikhlas yang dipercayai pekerja kami.

- **Kami berusaha untuk membina hubungan yang saling memberi manfaat dengan rakan niaga kami dan menyumbang ke arah mencapai visi bahawa “Tiada orang yang akan tertinggal di belakang” di bawah “Agenda 2030 untuk Pembangunan Lestari.”**

Bersama-sama dengan rakan-rakan niaga kami, kami berusaha untuk mempromosikan konsep “Menghormati dan Melindungi Hak Asasi Manusia,” “Memelihara Persekitaran Global” dan “Pematuhan Undang-undang” serta menyumbang kepada merealisasikan masyarakat yang lestari.

Bersama-sama dengan rakan-rakan niaga kami, kami berusaha untuk membekalkan produk dan perkhidmatan yang selamat dan boleh diharapkan kepada pelanggan kami serta mencipta masa depan yang sihat dan makmur.

Bersama-sama dengan rakan-rakan niaga kami, kami berusaha untuk bekerja dalam isu sosial yang menyebabkan penyisihan sosial serta mempromosikan penciptaan struktur sosial yang tidak menyisihkan sesiapaupun.

II. Penggunaan “Garis Panduan Tindakan Lestari Rakan Niaga SEVEN & i Group”

SEVEN & i Group meminta agar semua rakan niaga memahami dan mematuhi “Garis Panduan Tindakan Lestari Rakan Niaga SEVEN & i Group.”

1. Semua rakan niaga haruslah memahami dan mematuhi Garis Panduan Tindakan Lestari Rakan Niaga SEVEN & i Group (setelah ini dipanggil sebagai “Garis Panduan Tindakan Rakan Niaga”) dan memastikan bahawa pembekal dari mana mereka membeli produk yang dikendalikan dalam SEVEN & i Group juga memahami Garis Panduan Tindakan Rakan Niaga.
2. Kami meminta supaya rakan niaga memberikan maklumat tentang keadaan pematuhan dengan Garis Panduan Tindakan Rakan Niaga kepada SEVEN & i Group sebagaimana yang diperlukan.
3. Sebarang tindakan serius yang menjadi pelanggaran Garis Panduan Tindakan Rakan Niaga, termasuk

kemalangan yang menyebabkan kecederaan tubuh, pelanggaran hak asasi manusia dan ketidakpatuhan dengan undang-undang akan segera dilaporkan kepada orang yang berkenaan bagi setiap syarikat SEVEN & i Group yang sedang beroperasi. Peruntukan pembetulan dan pemulihan serta merta akan dilakukan berhubung dengan tindakan-tindakan sedemikian, dan usaha akan dilakukan untuk mencegah penyebaran kerosakan, mengenalpasti punca dan mengambil langkah untuk mencegah sebarang kejadian berulang.

4. Rakan-rakan niaga yang terlibat dalam pengilangan dan pembekalan produk atau perkhidmatan jenama persendirian SEVEN & i Group (setelah ini dipanggil sebagai “Produk PB”) akan membentuk polisi yang mengandungi peruntukan yang sama dengan Garis Panduan Tindakan Rakan Niaga, berkongsi polisi di luar atau dalam syarikat, mencipta rangka kerja untuk mempromosikan polisi, dan melakukan usaha untuk mengoperasikan kedua-dua polisi dan rangka kerja.

Rakan-rakan niaga akan melakukan pemeriksaan berkala keadaan sebenar untuk mengenalpasti isu dalam syarikat mereka sendiri, menyediakan pemulihan, membetulkan isu yang dikenalpasti dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah sebarang kejadian berulang.

5. Urus niaga boleh digantung sementara atau kontrak boleh ditamatkan jika sebarang tindakan serius termasuk pelanggaran hak asasi manusia dan undang-undang yang menyebabkan ketidakpatuhan dengan Garis Panduan Tindakan Rakan Niaga didapati. Dalam kes sedemikian, tiada restitusi atau pampasan akan dibenarkan oleh SEVEN & i Group dan syarikatnya yang beroperasi walaupun jika berlaku sebarang kerosakan.

III. Garis Panduan Tindakan Lestari Rakan Niaga SEVEN & i Group

1. Menghormati dan Melindungi Hak Asasi Manusia

Hak asasi manusia semua individu yang terlibat dalam aktiviti perniagaan mereka akan dihormati dan dilindungi dengan keutamaan yang paling tinggi, dan hubungan saling mempercayai akan diwujudkan sementara berusaha untuk meningkatkan produktiviti.

1. Perisytiharan antarabangsa seperti “Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa” dan “Perisytiharan Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) mengenai Prinsip dan Hak Asas di Tempat Kerja” akan dihormati.
2. Sebarang penglibatan secara langsung atau tidak langsung dalam pelanggaran hak asasi manusia adalah dilarang sama sekali.
3. Sekiranya hak asasi manusia tidak dilindungi dengan mencukupi di bawah undang-undang dan peraturan di setiap negara atau rantau, perlindungan akan diminta berdasarkan piawaian perisytiharan antarabangsa termasuk “Perisytiharan Hak Asasi Manusia Antarabangsa” dan “Perisytiharan Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) mengenai Prinsip dan Hak Asas di Tempat Kerja”.
4. Penghormatan dan perlindungan hak asasi manusia tidak akan diabaikan bagi tujuan perniagaan.
5. Jika sebarang pelanggaran hak asasi manusia didapati, pemulihan akan digunapakai untuk pekerja berkenaan.
6. Penggubalan polisi, pembinaan sistem, perlaksanaan latihan, dan pembangunan sistem laporan dalaman, dll.,

akan dijalankan bagi tujuan menghormati dan melindungi hak asasi manusia.

2. Pematuhan Undang-undang

1. Kedua-dua peruntukan dan semangat undang-undang yang terpakai di setiap negara dan rantau serta peraturan antarabangsa yang relevan akan dipatuhi.
2. Penggubalan polisi, pembinaan sistem, pelaksanaan latihan, dan pembangunan sistem laporan dalaman, dll., akan dijalankan bagi tujuan mematuhi undang-undang.

3. Tiada Buruh Kanak-Kanak dan Perlindungan bagi Pekerja Muda

Pendidikan kanak-kanak adalah penting bagi pembangunan masyarakat yang sihat dan lestari, dan buruh kanak-kanak akan dibasmi kerana ia menghalang peluang sedemikian. Pekerja muda akan dilindungi sepenuhnya kerana kekurangan pengalaman mereka dalam menyesuaikan diri dengan masyarakat.

1. Ketika pengambilan kerja, umur mana-mana pekerja akan dipastikan.
2. Kami sama sekali tidak akan menggunakan buruh kerja, yang diharamkan di bawah Konvensyen Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) dan undang-undang tempatan yang terpakai.
*Konvensyen ILO menyatakan bahawa pekerja mestilah tidak lebih muda dari umur pendidikan wajib dan mesti berumur sekurang-kurangnya 15 tahun dalam mana-mana keadaan. (Namun, terdapat pengecualian bahawa pekerja yang bekerja di bawah keadaan kerja yang berbahaya mesti berumur sekurang-kurangnya 18 tahun di mana-mana negara atau sekurang-kurangnya 14 tahun sewaktu tempoh peralihan di negara-negara membangun, dan terdapat satu lagi pengecualian dalam kategori kerja dengan kerja yang ringan atau kerja yang mudah.)
3. Kami sama sekali tidak akan menggunakan pekerja di bawah umur 18 tahun pada waktu malam dan/atau dalam keadaan kerja yang berbahaya.

4. Tiada Buruh Paksa

Pekerja akan terlibat dalam kerja mereka atas kerelaan mereka sendiri, dan kami sama sekali tidak akan menggunakan buruh paksa. Amalan-amalan buruh yang dilarang termasuklah buruh atau perkhidmatan tanpa kerelaan pekerja, dan juga buruh paksa disebabkan oleh takut hukuman.

1. Buruh paksa, buruh tahanan dan buruh hamba paksa akan dibasmi.
2. Pekerja tidak akan dipaksa untuk membuat deposit wang atau memberikan dokumen identifikasi mereka yang asli sebagai deposit.
3. Kami akan memastikan bahawa pekerja boleh berhenti kerja atas kerelaan mereka sendiri.
4. Kami akan memastikan bahawa pekerja boleh meninggalkan tempat kerja setelah waktu bekerja, dan tiada

kerja lebih masa akan dilakukan tanpa kebenaran pekerja.

5. Penggunaan kamera keselamatan dan peruntukan kakitangan keselamatan adalah bertujuan bagi pencegahan jenayah, pengurusan maklumat dan pengurusan keselamatan pekerjaan dan tidak akan bertujuan bagi pemantauan para pekerja.

5. Bayaran Upah Setakat Cukup Hidup

Usaha akan dilakukan untuk memberikan peluang pekerjaan yang mencabar dan berperikemanusiaan serta membayar upah yang mencukupi untuk memastikan kehidupan yang sempurna dan berbudaya. Upah setakat cukup hidup akan dikekalkan, menyumbang kepada pembasmian buruh kanak-kanak dan kestabilan masyarakat.

1. Pekerja akan dibayar upah minimum atau lebih yang dinyatakan dalam undang-undang tempatan yang terpakai atau oleh industri. Upah yang mana lebih tinggi akan digunapakai dan dibayar.
2. Elaun kerja lebih masa akan dibayar dan bersamaan atau lebih dari kadar undang-undang.
3. Semua elaun dan faedah pekerja yang disyaratkan oleh undang-undang akan dibekalkan kepada pekerja.
4. Jumlah upah mengikut budi bicara yang mencukupi akan dibayar kepada pekerja untuk membolehkan mereka makan dan menjalani hidup pada tahap standard di setiap negara dan rantau.
5. Maklumat tentang syarat pengambilan kerja perlulah difahami dengan mudah dalam bentuk bertulis dan tersedia pada bila-bila masa.
6. Jumlah jam untuk dibayar dan pecahan upah hendaklah ditunjukkan kepada pekerja pada ketika setiap pembayaran upah.
7. Upah akan dikira dengan tepat dan buktinya akan ditunjukkan.

6. Penghapusan Penderaan, Gangguan, Diskriminasi dan Hukuman

Sebarang penderaan, gangguan, diskriminasi dan hukuman akan dihapuskan, dan usaha akan dilakukan untuk mempromosikan persekitaran kerja yang berperikemanusiaan dan mencabar. Diskriminasi tidak hanya menyebabkan kehilangan peluang pekerjaan yang tidak wajar dan pelanggaran hak asasi manusia, bahkan juga menafikan kewujudan sumber manusia berpotensi yang boleh menyumbang kepada masyarakat, membawa kepada kerugian sosial yang signifikan.

1. Sebarang penderaan fizikal atau mental, penderaan yang diancam, atau penyalahgunaan kuasa, gangguan seksual dan gangguan yang lain akan dilarang dan langkah pencegahan akan diambil.
2. Pada berlakunya pengambilan kerja, pampasan, kenaikan pangkat, penugasan semula, pemecatan atau perletakan jawatan, semua usaha hendaklah dibuat atas larangan dan penghapusan diskriminasi berdasarkan kepada kaum, warna kulit, jantina, agama, pandangan politik, tempat kelahiran, asal-usul sosial, umur, kekurangan upaya, jangkitan HIV/AIDS, keahlian kesatuan buruh, orientasi seksual, identiti jantina atau status-status yang lain, serta pencapaian peluang sama rata.

3. Jika sebarang penderaan, gangguan, diskriminasi atau hukuman didapati, pemulihan akan diberikan kepada pekerja berkenaan.
4. Penalti duit akan dikenakan sejauh mana yang dinyatakan di bawah undang-undang tempatan. Prosedur bagi tindakan disiplin dan jumlah penalti akan ditentukan sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang dan sejauh mana yang tidak menghalang pekerja dari menjalani hidup mereka. Perkara-perkara begini akan dinyatakan dengan jelas dalam peraturan buruh atau peraturan-peraturan lain dan hendaklah difahami secara menyeluruh oleh semua pekerja.

7. Pengambilan Kerja dan Perlindungan Pekerja

Semua individu yang terlibat dalam aktiviti perniagaan hendaklah diambil kerja dengan cara yang wajar dalam persekitaran kerja yang bersih, berfungsi, mencabar dan berperikemanusiaan dengan mengambil kira perlindungan hak asasi manusia, keselamatan dan kesihatan.

1. Ketika pengambilan kerja, kontrak buruh yang sesuai hendaklah diikat dengan pekerja mengikut undang-undang tempatan yang terpakai.
2. Jam bekerja, masa berehat dan hari cuti akan tertakluk kepada peruntukan undang-undang tempatan yang terpakai atau standard yang ditetapkan oleh industri, yang mana lebih bermanfaat kepada pekerja.
3. Waktu kerja lebih masa tidak akan disyaratkan tanpa kebenaran pekerja.
4. Usaha akan dilakukan untuk mencapai standard jam bekerja berdasarkan pengesyoran Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO).
 - *ILO, "Pengesyoran Pengurangan Jam Bekerja, 1962" (kecuali bagi pekerja yang terlibat dalam industri pertanian, perkapalan dan perikanan lautan)
 - Prinsip minggu bekerja empat puluh jam hendaklah dicapai secara progresif sebagai standard sosial.
 - Kami tidak akan mengurangkan upah pekerja ketika mengurangkan jam bekerja.
 - Di mana tempoh minggu bekerja normal melebihi empat puluh lapan jam, langkah-langkah segera mesti diambil untuk menurunkannya ke tahap 48 jam.
5. Kami akan memastikan bahawa para pekerja boleh menubuhkan kesatuan buruh dan menjadi ahli kesatuan buruh mengikut budi bicara mereka tertakluk kepada undang-undang tempatan.
6. Polisi dan prosedur untuk melarang diskriminasi akan dibangunkan berhubungan dengan aktiviti seperti menubuhkan kesatuan buruh, menjadi ahli kesatuan buruh, mengambil bekerja dan membuat keputusan berkenaan kenaikan pangkat, pemecatan atau pemindahan pekerja.
7. Majikan, kesatuan buruh dan wakil pekerja hendaklah bebas membincangkan isu-isu untuk mencapai persetujuan yang memuaskan bagi mereka semua dan mencipta hubungan majikan-pekerja yang berfungsi dengan betul.
8. Kami akan memastikan bahawa bangunan dan peralatan di tempat kerja, serta tempat tinggal yang diberikan kepada pekerja adalah mematuhi piawaian dengan mencukupi untuk menjamin keselamatan pekerja, dan bahawa kebenaran dan keizinan di bawah undang-undang dan peraturan berkaitan dengan piawaian bangunan tempatan telah diperolehi, dan bahawa bangunan telah diperiksa dengan betul dan lulus

pemeriksaan.

9. Di tempat kerja dan tempat tinggal yang diberikan kepada pekerja, hendaklah terdapat pintu kecemasan, laluan pengungsian dan isyarat yang mematuhi standard yang ditetapkan dalam undang-undang dan peraturan tempatan, dan pemeriksaan serta latihan pengungsian berkala hendaklah dijalankan.
10. Bilik air dan air minuman yang bersih hendaklah disediakan untuk para pekerja dan kegunaannya sewaktu jam bekerja tidak akan dihadkan.
11. Pekerja haruslah dibekalkan dengan material yang perlu untuk kerja mereka, termasuk peralatan perlindungan peribadi, arahan cara bekerja, dan latihan.
12. Bahan kimia hendaklah dikendalikan dan disimpan dengan cara yang betul, dan usaha hendaklah dilakukan untuk mencegah kemalangan dan menghentikan penyebaran kerosakan jika kemalangan berlaku.
13. Undang-undang berkaitan manfaat pekerja hendaklah dipatuhi, dan kami akan meminta agar program manfaat pekerja yang membolehkan pekerja melakukan kerja mereka tanpa kerisauan yang tidak wajar akan dibuat.

8. Pemeliharaan Persekitaran Global

Perniagaan akan dijalankan dengan mempertimbangkan persekitaran global dalam semua aspek, seperti dalam pembelian bahan mentah, pengilangan dan bekalan dengan cara yang menyumbang ke arah pembangunan masyarakat yang lestari.

1. Undang-undang alam sekitar, peraturan, dan konvensyen antarabangsa di setiap negara dan rantau hendaklah dipatuhi.
2. Kami tidak akan menggunakan bahan kimia yang dilarang di bawah konvensyen antarabangsa atau undang-undang tempatan, atau oleh syarikat SEVEN & i Group yang beroperasi.
3. Bahan buangan, ekzos, dan air kumbahan akan diuruskan dengan betul untuk mencegah pencemaran alam sekitar.
4. Kefahaman yang betul tentang kesan yang dibawa oleh perniagaan ke atas alam sekitar hendaklah diwujudkan.
5. Kepentingan biodiversiti akan diakui dan biodiversiti akan dipelihara.
6. Rakan niaga yang mengendalikan Produk PB dari syarikat SEVEN & i Group yang beroperasi akan memberi kerjasama untuk mencapai matlamat kumpulan di bawah “CABARAN HIJAU 2050.”
 - Mengurangkan pengeluaran CO₂
 - Mencapai penggunaan 100 peratus bahan mesra alam sekitar (biojisim, keterbiodegradasikan dan material yang dikitar semula, kertas, dll.) bagi pembungkusan produk asli menjelang 2050
 - Mencapai kitar semula 100 peratus sisa makanan menjelang 2050
 - Mencapai penggunaan 100 peratus bahan mentah yang lestari bagi produk makanan asli menjelang 2050
7. Usaha akan dilakukan untuk membangunkan dan mempromosikan teknologi mesra alam sekitar, dan teknologi berkenaan akan digunapakai secara aktif.

9. Pencegahan Kebocoran Maklumat Sulit dan Pengurusan Maklumat

Aset maklumat akan dipastikan “sulit,” “lengkap” dan “tersedia” dan akan dilindungi dari ancaman termasuk kebocoran, kecurian, pemalsuan dan kerosakan akibat dari tindakan sengaja atau kecuaiian.

1. Rangka kerja yang sistematik akan diwujudkan untuk mengekalkan dan menguruskan keselamatan maklumat dan peranan serta tanggungjawabnya akan ditentukan.
2. Semua maklumat akan digunakan hanya bagi tujuan mencapai matlamat perniagaan, dan sebarang kegunaan untuk tujuan lain, penggunaan peribadi atau penggunaan oleh orang lain adalah dilarang.
3. Peraturan berkaitan keselamatan maklumat hendaklah digubal dan dikekalkan, dan semua pekerja hendaklah dibekalkan dengan peluang pendidikan dan latihan secara berkala.
4. Bagi persediaan terhadap insiden atau kemalangan keselamatan maklumat, rangka kerja untuk mengambil langkah-langkah efektif dengan segera hendaklah diasaskan, dan prosedurnya hendaklah dibangunkan.
5. Bagi persediaan terhadap bencana, kemalangan atau peristiwa yang lain, pelan kesinambungan perniagaan hendaklah dibuat dan keselamatan maklumat hendaklah dipastikan.
6. Undang-undang, peraturan dan kewajipan kontrak berkenaan keselamatan maklumat hendaklah dipatuhi.
7. Pemeriksaan sendiri dan audit dalaman hendaklah dijalankan untuk mengesahkan pematuhan dengan peraturan berkaitan keselamatan maklumat dan mengesahkan kewajaran dan keberkesanan langkah-langkah pengurusan untuk memastikan keselamatan maklumat, dan isu-isu yang dikenalpasti hendaklah diperbetulkan.
8. Untuk mencegah kebocoran maklumat, pelanggaran hak asasi manusia dan tindakan jenayah yang disebabkan oleh penggunaan media sosial oleh pekerja, peraturan bagi kegunaan media sosial hendaklah dibuat dan difahami oleh para pekerja melalui latihan.

10. Pengurusan Maklumat Peribadi

Perlindungan maklumat peribadi adalah satu isu dan tanggungjawab sosial yang besar untuk dipenuhi dalam perjalanan perniagaan dan akan dianggap sebagai kewajiban yang perlu dilakukan oleh semua eksekutif dan pekerja. Kami akan memastikan bahawa semua eksekutif dan pekerja akan melaksanakan kerja mereka dengan cara yang sesuai.

1. Maklumat peribadi tidak akan digunakan untuk tujuan kecuali bagi yang telah dinyatakan, dan kebenaran individu diperlukan sebelum menggunakan maklumat peribadi yang melebihi skop tujuan penggunaan.
2. Rangka kerja yang sistematik akan diasaskan untuk melindungi maklumat peribadi dan peranan serta tanggungjawabnya akan ditentukan.
3. Maklumat peribadi akan didapati, diuruskan, digunakan dan dibekalkan dengan cara yang betul dengan mematuhi undang-undang dan peraturan.
4. Sebarang insiden atau kemalangan yang membawa kepada kebocoran maklumat peribadi hendaklah dengan segera dilaporkan kepada institusi yang relevan dan orang yang berkenaan bagi syarikat SEVEN & i Group

yang beroperasi, dan langkah-langkah yang perlu hendaklah diambil untuk mencegah penyebaran kerosakan.

11. Kawalan Kualiti dan Respons Beretika

Untuk membolehkan orang hidup dengan makmur dan sihat di dalam masyarakat, keselamatan, kebolehpercayaan, inovasi dan kualiti yang tinggi hendaklah diperolehi, dan usaha akan dilakukan untuk membekalkan para pelanggan dengan produk dan perkhidmatan yang memuaskan. Untuk membekalkan produk yang selamat, boleh dipercayai dan beretika kepada pengguna akhir, pematuhan dengan piawaian kualiti syarikat SEVEN & i Group yang relevan dan beroperasi serta perkara-perkara yang dinyatakan di bawah akan diminta:

1. Tanggungjawab untuk menghormati dan melindungi hak asasi manusia, memberikan pemulihan, memberi perhatian yang cermat kepada pengambilan kerja dan persekitaran kerja, dan memelihara persekitaran global akan dilakukan dalam proses pembelian bahan mentah, pengilangan, pembuatan, penghantaran, pembekalan kepada pengguna akhir dan pelupusan bahan buangan untuk membekalkan produk dan perkhidmatan.
2. Kualiti dan piawaian pelabelan yang ditetapkan di negara pembuatan dan negara penjualan hendaklah dipatuhi.
3. Produk dan perkhidmatan hendaklah dibangunkan dan dibekalkan dari perspektif pelanggan dan usaha hendaklah dilakukan untuk meningkatkan kualiti produk atau perkhidmatan yang cukup untuk memuaskan pengguna akhir.
4. Undang-undang dan norma masyarakat hendaklah dipatuhi dengan rasa etika yang tinggi tentang pembangunan dan pembekalan produk dan perkhidmatan.
5. Pengguna akhir hendaklah diberikan maklumat yang perlu tentang produk atau perkhidmatan dengan cara yang sesuai dan boleh difahami.
6. Kami akan memastikan bahawa produk dan perkhidmatan yang ditujukan buat kanak-kanak atau berkemungkinan digunakan oleh kanak-kanak adalah selamat dan tidak berbahaya secara mental, moral atau fizikal kepada mereka.

12. Hubungan dengan Komuniti Tempatan dan Antarabangsa

Hak asasi manusia, alam sekitar, budaya, agama dan adat resam, dll., bagi negara dan rantau di mana perniagaan dijalankan hendaklah dihormati, dan pembangunan masyarakat yang lestari hendaklah diusahakan.

1. Hendaklah wujud persefahaman tentang berbagai-bagai isu sosial dalam komuniti antarabangsa dan tempatan melalui dialog, dan sumbangan ke arah menyelesaikan isu-isu ini melalui kerjasama, usahasama dan operasi-operasi perniagaan, dan lain-lain hendaklah diberikan.
2. Aktiviti perniagaan yang membahayakan nyawa penduduk tempatan atau menjejaskan kesihatan mereka tidak akan dijalankan.
3. Tidak boleh ada perkaitan dengan kumpulan jenayah terancang, ahli kumpulan jenayah terancang, syarikat

dan kumpulan yang berkaitan dengan kumpulan jenayah terancang, pelaku kegiatan haram korporat (*sokaiya*), kumpulan yang terlibat dalam aktiviti jenayah dengan alasan menjalankan kempen sosial atau aktiviti politik, dan kumpulan jenayah yang mengkhususkan dalam jenayah intelektual, atau individu atau kumpulan lain yang membekalkan dana atau manfaat kepada kuasa anti-sosial.

- Langkah-langkah untuk tidak mempunyai sebarang hubungan dengan kuasa anti-sosial hendaklah diambil, dan hendaklah dipastikan bahawa semua syarikat dengan siapa pembekal rakan niaga melakukan urusan niaga dengannya ialah bukan kuasa anti-sosial. Setiap kontrak hendaklah mengandungi peruntukan berkenaan pembasmian kuasa anti-sosial.

13. Anti-rasuah dan Amalan Perniagaan Adil

Urus niaga hendaklah dilakukan dengan cara yang adil, telus dan sesuai, serta di bawah persaingan bebas. Hubungan yang sesuai dan sihat dengan badan politik dan agensi kerajaan hendaklah dikekalkan.

- Tidak boleh ada penglibatan dalam sebarang bentuk rasuah termasuk ugutan dan suapan.
- Sebarang hadiah, dana, ganjaran, pampasan atau manfaat lain yang mungkin membawa kepada pemalsuan, tindakan jenayah atau pelanggaran kepercayaan tidak boleh diberikan atau diterima secara langsung atau tidak langsung dalam perjalanan perniagaan.
- Polisi dan sistem latihan bagi anti-rasuah hendaklah dibangunkan.
- Persaingan yang bebas dan adil hendaklah dihormati, dan undang-undang dan peraturan yang relevan seperti Akta Anti-Monopoli dan peraturan dalaman hendaklah dipatuhi.
- Urus niaga hendaklah dijalankan dengan terma-terma dan syarat-syarat yang sesuai mengikut amalan perniagaan yang baik dan tiada keuntungan atau manfaat peribadi yang boleh diterima.
- Rakan niaga kami hendaklah mematuhi undang-undang dan peraturan setiap negara dan mengekalkan hubungan yang sesuai dengan badan politik dan agensi kerajaan ketika memberikan sumbangan politik, hadiah, hiburan atau manfaat kewangan kepada pegawai kerajaan domestik dan asing, atau individu-individu lain yang serupa dengannya.

14. Perlindungan Pemilikan Intelektual

- Hak milik intelektual yang dipegang oleh atau dipunyai oleh syarikat sendiri hendaklah dilindungi dan dijaga untuk mencegah pelanggarannya oleh mana-mana pihak ketiga.
- Tidak boleh ada penglibatan dalam sebarang pelanggaran hak, sebagai contoh, pemerolehan atau penggunaan yang tidak dibenarkan bagi pemilikan intelektual seperti paten, model kemudahan, rekaan, tanda niaga, dan rahsia perniagaan pihak ketiga, penggunaan perisian tanpa kebenaran dan penyalinan buku dan maklumat tanpa kebenaran melalui berbagai-bagai media, dll.

15. Pengurusan Eksport dan Import

- Semua undang-undang dan peraturan yang relevan berkenaan eksport dan import produk dan bahan mentah

hendaklah dipatuhi.

2. Tidak boleh wujud perkaitan dengan negara-negara dan rantau, organisasi atau individu yang tertakluk kepada sekatan ekonomi antarabangsa berkenaan peruntukan dana dan barangan bagi produk dan bahan mentah, atau upah sebagai pertimbangan bagi buruh.

16. Pembangunan Sistem Laporan Dalaman

Satu rangka kerja akan diwujudkan untuk mengendalikan dengan wajar perkara-perkara yang dilaporkan dari dalam atau luar syarikat berkaitan dengan pemalsuan yang dilakukan oleh organisasi atau individu serta konsultasi berkaitan dengan pemalsuan, dan usaha akan dilakukan untuk mencegah pelanggaran hak asasi manusia dan pemalsuan secara proaktif, mencapai pengesanan awal dan pembedulannya, dan memastikan perlindungan menyeluruh hak asasi manusia dan pengekalan pematuhan.

17. Persediaan Bencana

Untuk persediaan terhadap bencana, langkah-langkah proaktif hendaklah diimplementasikan untuk memastikan keselamatan pekerja dan penduduk tempatan yang merupakan keutamaan tertinggi dan meminimalkan kerosakan. Pelan kesinambungan perniagaan hendaklah dibuat untuk meminimalkan kerosakan kepada aset perniagaan dan membolehkan kesinambungan operasi perniagaan atau pemulihan awal kepada operasi perniagaan normal, dan simulasi berkala hendaklah dijalankan untuk menyemak semula pelan.

18. Pembangunan ke dalam Rantai Bekalan

Rakan niaga kami hendaklah berusaha supaya pembekal rakan niaga memahami dan bertindak mengikut Garis Panduan Tindakan Rakan Niaga, dan memberikan sokongan dan menjalankan tindakan pembedulan sebagaimana diperlukan dari masa ke semasa.

19. Pemantauan

Pemantauan adalah bertujuan untuk “memberikan keselamatan dan kebolehpercayaan kepada pelanggan kami,” “mengkalkan hubungan yang saling memberi manfaat dengan rakan niaga” dan “mempromosikan Garis Panduan Tindakan Rakan Niaga”. Kami dengan ikhlas meminta supaya rakan niaga kami memberikan bantuan dalam pemantauan.

1. Sekiranya pemantauan untuk mengesahkan pematuhan dengan Garis Panduan Tindakan Rakan Niaga berlaku, Rakan Niaga hendaklah memberi kerjasama.
2. Hendaklah terdapat persediaan dan penyelenggaraan yang sesuai bagi dokumen bukti dan rekod prestasi yang menyokong pematuhan mereka dengan Garis Panduan Tindakan Rakan Niaga. Dokumentasi berkenaan hendaklah didedahkan dan dikongsikan jika diminta berbuat demikian oleh SEVEN & i Group.

3. Langkah-langkah untuk membetulkan atau memperbaiki ketidakpatuhan terhadap Garis Panduan Tindakan Rakan Niaga yang dikenalpasti hendaklah diambil, jika didapati melalui pemantauan.

Dirumuskan pada Mac 2007

Disemak semula pada April 2017

Disemak semula pada Disember 2019